

28 JUL 1997

Sabah/Sarawak (Analisis Berita)

SEKATAN IMIGRESEN MASIH MEMISAHKAN RAKYAT MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Dalam tempoh sembilan tahun Parti Bersatu Sabah (PBS) memegang tampok pemerintahan di Sabah yang berakhir pada 1994 menampakkan ia bertelagah dengan Kerajaan Persekutuan apabila perjanjian 20 perkara yang Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan dalam Malaysia pada 1963 telah dijadikan isu.

Perjanjian itu pada dasarnya menjamin hak autonomi tertentu bagi kedua-dua negeri dengan yang paling ketara ialah hak berhubung dengan imigresen.

Banyak peristiwa telah berlaku dalam tempoh 34 tahun kedua-dua negeri menjadi sebahagian daripada Malaysia tetapi satu perkara yang belum berubah ialah peraturan imigresen.

Ini menyebabkan rakyat Malaysia dari semenanjung berasa seolah-olah mereka hendak melawat ke sebuah negara asing apabila hendak sama ada ke Sabah atau Sarawak.

Walaupun sekatan perjalanan bagi rakyat Malaysia dari semenanjung telah reda apabila penggunaan pasport mandatori digantikan dengan peraturan mengisi borang yang mudah apabila tiba tetapi matlamat ke arah "integrasi nasional" masih dihalangani oleh keperluan bahawa mereka tidak boleh bekerja di kedua-dua negeri itu kecuali mempunyai permit.

Memang pada umumnya, tokoh politik dari Sabah dan Sarawak telah mengenyepikan semangat kenegerian tetapi tiada seorangpun daripada mereka mengambil dayausaha bagi memansuhkan sekatan imigresen ini.

Mereka-lah yang mula sekali akan merungut jika peraturan atau dasar yang diputuskan di Kuala Lumpur dilihat sebagai merugikan kedua-dua negeri berkenaan.

Sesetengah daripada mereka cenderung menyalahkan Kuala Lumpur kerana tidak peka kepada integrasi nasional, ungkapan yang tidak jemu-jemu dibangkitkan oleh tokoh politik.

Kuasa autonomi kedua-dua negeri berhubung dengan soal imigresen, faktor yang dilihat oleh kebanyakan pihak sebagai membantutkan proses integrasi nasional ialah isu yang pemimpin kedua-dua negeri cuba mengelak daripada berbincang dalam semangat integrasi nasional sendiri.

Semenanjung dipisahkan daripada Sabah dan Sarawak oleh Laut China Selatan yang luas terbentang dan faktor ini kadang-kala menyebabkan proses mencapai integrasi nasional lebih rumit.

Tiada apa yang boleh dilakukan bagi mengubah kedudukan geografi semulajadi ciptaan Tuhan tetapi keadaan ini tentu tidak sama dengan apa yang dipanggil perjanjian 20 perkara yang digubal sendiri oleh manusia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Abdul Aziz ialah antara tokoh politik dari Kuala Lumpur yang tidak nampak justifikasi bagi mengekalkan peraturan itu selepas usaha selama lebih tiga dekad bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu.

Nazri menyifatkan sekatan imigresen itu sebagai "tidak masuk akal dan berfikiran sempit" sambil berkata rasional bagi peraturan itu bahawa Sabah dan Sarawak akan dibanjiri oleh rakyat dari semenanjung jika mereka membuka pintu tidak lagi boleh dipakai.

Dalam hubungan ini, peguam dari semenanjung ialah antara mereka yang paling lantang bersuara bagi memansuhkan sekatan imigresen itu disebabkan keadaan tugas mereka.

Kadang-kala mereka mungkin diminta oleh anak guaman mereka di kedua-dua negeri bagi mewakili mereka dalam kes di mahkamah.

Tetapi mereka perlu menggunakan proses diterima masuk ke mashaah sama ada di Sabah dan Sarawak secara "ad hoc" dan selepas melalui proses itu, mereka perlu memohon permit kerja sebelum dapat mewakili anak guaman mereka di mahkamah.

Tetapi peguam di Sabah dan Sarawak membantah habis-habisan langkah untuk memansuhkan peraturan ini yang menjadi sebahagian daripada Perkara 161B Perlembagaan Persekutuan.

Presiden Persatuan Peguam Sabah, Maureen Lind memberitahu Bernama bahawa dengan membenarkan peguam dari semenanjung mengamalkan profesion kepeguaman di kedua-dua negeri ialah seperti membuka "flood-gates".

Yang dipersoalkan ialah peguam, golongan yang sepatutnya menentang sebarang bentuk penafian keadilan, menampakkan sikap mementingkan diri sendiri apabila anak guaman tidak dibenarkan melantik peguam sendiri jika peguam dari semenanjung gagal memperolehi permit kerja.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pun menjelaskan bahawa kerajaan Sabah dan Sarawak nampaknya tidak bersedia untuk memansuhkan peraturan imigresen ketika ditanya mengenai perkara itu semalam.

"Mereka berasa terancam. Mereka masih beranggapan bahawa mereka belum mencapai tahap apabila mereka boleh membuka pintu bagi kalangan profesional dari semenanjung," kata Dr Mahathir.

Autonomi berhubung dengan imigresen juga melarang mereka dari semenanjung daripada bekerja di Sabah dan Sarawak kecuali mempunyai permit kerja.

Apabila beratus-ratus ribu pendatang, kebanyakan dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina membanjiri pasaran buruh di semenanjung, senario pekerja dari semenanjung membanjiri Sabah dan Sarawak seperti dibayangkan oleh mereka yang menggubal perjanjian 20 perkara itu tidak berlaku sekarang.

Tetapi kebanyakan pekerja dari Sabah dan Sarawak yang bekerja di sini memberitahu Bernama bahawa keadaan sebaliknya adalah yang sebenarnya berlaku.

"Pada masa ini, ramai pekerja dari Sabah dan Sarawak bekerja di Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain di semenanjung kerana gaji yang ditawarkan di sini adalah lebih tinggi," kata seorang tukang masak dari kaum Bidayah yang bekerja di sebuah restoran di Petaling Jaya.

Di tengah-tengah pembangunan pesat yang dikecapi oleh Malaysia terutama dalam Koridor Raya Multimedia, autonomi berhubung dengan hak imigresen yang Sabah dan Sarawak masih tidak mahu melepaskannya, nampaknya seperti kembali ke zaman silam. -- BERNAMA

AU FAZ